



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA LANCAR DANA PADANAN RM90 JUTA, SASAR JADI HAB PEMBUNGKUSAN CANGGIH SEMIKONDUKTOR DUNIA

KUALA LUMPUR, 17 JULAI 2025 – RM90 Juta Dana Padanan dilancarkan oleh Malaysia Science Endowment (MSE) bagi memperkasa sektor semikonduktor negara dalam pembungkusan canggih (*advanced packaging*). Inisiatif strategik ini juga akan memenuhi permintaan global yang semakin meningkat terhadap cip kecerdasan buatan (AI) dan meningkatkan eksport elektrik dan elektronik (E&E) negara.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, hasil dana padanan semikonduktor ini dijangka akan memodenkan *Outsourced Semiconductor Assembly and Test* (OSAT) ke arah pembungkusan canggih selaras dengan visi Strategi Semikonduktor Nasional. Usaha ini juga bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai hab global dalam bidang teknologi pembungkusan canggih yang kini hanya dikuasai oleh segelintir negara seperti Taiwan.

“Nilai keseluruhan program ini dijangka mencecah RM180 juta setelah menerima pemadanan sebanyak RM90 juta daripada industri. Ini juga merupakan program berpandukan misi (*mission-oriented*) yang pertama daripada MSE, dengan misi membangunkan keupayaan Malaysia dalam bidang pembungkusan canggih,” ujar beliau pada ucapatama di Majlis Sambutan 30 Tahun Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Penganugerahan Felo 2024 & 2025.

MSE telah diluluskan oleh Parlimen pada 4 Ogos 2022, dengan ASM sebagai entiti pelaksana bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sehingga kini, MSE telah memangkinkan kerjasama transformatif dengan lebih 19 buah negara antaranya Jepun, China, United Kingdom, dan Turkiye melalui rangka kerja dua hala dan pelbagai hala. Program-program penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersilan dan ekonomi atau RDICE yang dilancarkan bersama negara-negara berkenaan dalam bentuk penyelidikan bersama atau latihan kapasiti, telah mencatatkan jumlah padanan sebanyak RM32 juta.

Tambah YAB Dato' Sri Haji Fadillah, keupayaan untuk menyelaras kolaborasi antara sektor awam, swasta dan komuniti penyelidikan adalah kunci untuk menghasilkan penyelesaian yang lebih relevan dan inklusif. Justeru, pentingnya kepada Kerajaan untuk mempunyai satu mekanisme dalam usaha menjayakan RDICE yang berpandukan misi, bernilai tinggi dan berimpak.

“Dalam konteks ini, MSE adalah satu langkah strategik untuk memastikan pembiayaan R&D alternatif yang lestari, melibatkan kerjasama pihak kerajaan dan swasta. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan semata-mata untuk peruntukan RDICE. Mengambil peluang sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia tahun ini, saya juga menyeru agar para saintis dan penyelidik untuk memperkukuh jaringan kerjasama serantau. Malaysia komited untuk memainkan peranan sebagai peneraju dalam memacu R&D berpandukan misi bagi menghadapi cabaran serantau antaranya perubahan iklim, keterjaminan makanan serta membina rantaian bekalan ASEAN,” ujar beliau.

Menteri MOSTI, Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang dalam ucapannya berkata, “Dengan peruntukan RM170 juta menerusi Belanjawan 2025, MSE menggunakan pendekatan padanan dana 50:50 untuk menyokong program RDICE berimpak tinggi. MOSTI melihat MSE sebagai sebuah pendekatan inovatif dalam merangsang pelaburan jangka panjang yang turut meningkatkan keterlihatan serta keyakinan penderma dalam sektor sains dan teknologi negara.”

Pada majlis sama, YAB Dato' Sri Haji Fadillah turut menyampaikan sijil Penganugerahan Felo Kanan kepada Academician Professor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc (2024), Academician Professor Dato' Dr Ahmad Ibrahim FASc dan Academician Dr Koh Chong Lek FASc (2025). Pengiktirafan kepada ketiga-tiga individu berkenaan adalah berdasarkan sumbangan mereka yang ketara dalam bidang masing-masing sekaligus melayakkan penggunaan “Academician” di hadapan nama mereka.

YAB Dato' Sri Fadillah dalam uaptamanya turut mengiktiraf usaha ASM yang bukan sahaja menjalankan kajian dan mengemukakan syor dasar berkaitan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE), malah turut menggalakkan pelaksanaan inisiatif strategik, projek perintis dan demonstrasi kepada tindakan nyata di lapangan. Ujar beliau, “Usaha-usaha berkenaan sejajar dengan matlamat jangka panjang negara menerusi prinsip Malaysia MADANI di bawah nilai-nilai teras seperti Kemampanan dan Kesejahteraan, di mana STIE memainkan peranan penting dalam implementasi dasar-dasar berkaitan bagi memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara maju menjelang tahun 2030.”

Sebelum itu, Penganugerahan Felo ASM telah diberikan kepada 63 Felo baharu ASM bagi tahun 2024 (31 individu) dan 2025 (32 individu). Kesemua mereka terdiri daripada saintis, jurutera dan pakar teknologi terkemuka negara. Pelantikan sebagai Felo sekaligus melayakkan individu berkenaan menggunakan gelaran “*Fellow of the Academy of Sciences Malaysia*” atau singkatan “FASc” selepas nama mereka.

Pemilihan Felo adalah mewakili individu terbaik di seluruh negara dalam lapan (8) kumpulan disiplin iaitu Sains Perubatan dan Kesihatan; Sains Kejuruteraan; Sains Kimia; Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar; Matematik, Fizik dan Sains Bumi; Teknologi Maklumat dan Sains Komputer; Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri; serta Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sehingga kini, ASM mempunyai 535 Felo yang terdiri daripada 30 Felo Kanan dan 505 Felo Biasa. Kedua-dua pengiktirafan “Academician” dan “FASc” merupakan pengiktirafan sains tertinggi negara melalui Akta Akademi Sains Malaysia 1994.

Turut hadir Ketua Setiausaha MOSTI, Yang Berbahagia Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad, Presiden ASM, Yang Berbahagia Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc dan Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Puan Hazami Habib.

Senarai Felo ASM 2024 & 2025 boleh diakses menerusi laman web ini: <https://www.akademisains.gov.my/experts/>.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
17 JULAI 2025**

NOTA: * Rujuk ucapan YAB TPM semasa majlis



Kit Media: <https://bit.ly/30TahunASM> [PenganugerahanFelo](#)

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat Akademi Sains Malaysia

mar_comm@akademisains.gov.my

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood

(+017 678 0925)

Siti Sarah Abd Rahman

(+6011 1142 5446)